

Tujuh pahlawan sedia berentap



SILAT



AZAM MUKHTAR...Akhir Bebas.

TUJUH pesilat kebangsaan mengakui tanggungjawab yang dibebankan ke bahu mereka untuk memenangi sekurang-kurang lima pingat emas pada perlawanan akhir di Kompleks Sukan Petronas, Bangi, petang ini adalah begitu berat.

Bagaimanapun, ketujuh-tujuh pesilat itu sedia melaksanakan tugas itu dengan sempurna bagi membuktikan keunggulan skuad silat.

Tujuh pesilat berkenaan ialah Ahmad Khusairi Ibrahim (Kelas C), Wan Aminuddin Baki Abu Bakar (G), Ruzaidi Abdul Rahman (F), Azam Abbas (H), Azam Mukhtar (Bebas), Haslina Shaharuddin (C) dan Zaleha Suradi (E).

Azam Mukhtar berkata: "Saya akan mempamerkan permainan sebaik mungkin. Malah saya berdoa agar tidak melakukan kesalahan besar yang boleh menggagalkan matlamat memenangi pingat emas."

Beliau yang pertama kali dipilih mewakili negara menambah, berdasarkan pengiraan awal setelah menundukkan Mohd Jamharun dari Indonesia di separuh akhir, peluang untuk menang pingat emas begitu terbuka. **B. Harten (M)**

Berlainan dengan Azam Abbas, yang begitu dahagakan pingat emas di peringkat antarabangsa. Selain itu katanya: "Saya akan menebus kegagalan di Jakarta, dua tahun lalu."

Haslina pula berkata: "Tunggulah keputusan terakhir, esok (petang ini). Saya akan berlawan mengikut kata hati yang mahukan kemenangan."

Wan Amunuddin pula tidak mahu terlalu yakin untuk memang. "Saya akan tentukan di gelanggang nanti. Jika dicabar hebat, saya akan bertindak lebih hebat ketika mencatat kemenangan, semalam (kelmarin)," sambungnya.

Bagi Ahmad Khusairi, dia tidak mahu kecewa di gelanggang sendiri. Ini kerana pingat emas yang dimenangi di Jakarta, dua tahun lalu perlu dipertahankan.

Ruzaidi berkata: "Saya tidak mahu diberi perhatian. Tetapi, saya akan berusaha untuk mempermerkan persembahan yang terbaik."

Sementara itu, Zaleha Suradi pula membayangkan hasrat untuk bersara jika memenangi pingat emas nanti.

Bagaimanapun selepas latihan ringan, semalam tujuh pesilat itu masing-masing bersedia untuk menjaga maruah silat olahraga, setelah pasukan tekwondo dan karate-do mencatat kemenangan besar.

30 AUG 1989